

Adakah pengguguran haram?

Seksyen 312 Kanun Keseksaan membenarkan pengguguran apabila "mengekalakan kehamilan akan menyebabkan risiko kepada nyawa wanita hamil, atau mengganggu kesihatan mental atau fizikal wanita hamil tersebut melebihi kesan penggugurannya". Bagi orang Islam, muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (2010) membenarkan pengguguran jika memenuhi kesemua syarat di bawah:

- janin berusia di bawah 120 hari,
- mempunyai kecacatan atau berpenyakit teruk,
- boleh membahayakan nyawa ibu dan juga di atas sebab-sebab sosio-ekonomi.

Kaedah dan risiko-risiko pengguguran yang tidak selamat

Kaedah pengguguran yang tidak selamat mungkin melibatkan kemasukan objek atau bahan ke dalam rahim, memakan benda-benda yang berbahaya dan menggunakan paksaan luaran. Komplikasi pengguguran yang tidak selamat termasuk pendarahan yang berlebihan, jangkitan rahim, koyakan di pangkal rahim, jangkitan di saluran pembiakan, dan juga kematian. Pengguguran menggunakan kaedah ini secara berulang kali boleh mengakibatkan parut di dalam rahim dan juga menyebabkan tiub fallopio tersumbat. Hal ini boleh mengakibatkan kemandulan.

State Member Associations

Johor FHA

10-A Jalan Abiad Satu,
Taman Pelangi,
80400 Johor Bharu,
Johor.
Tel/Fax: 07-3337772
E-mail: johorfha@gmail.com

Kedah FPA

2, Jalan Kampong Baru,
05000 Alor Setar,
Kedah.
Tel/Fax: 04- 7321280
E-mail: fpakedah@yahoo.com

Kelantan ReHA

4261-F, Jalan Kebun Sultan,
15350 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel: 09-7432407
Fax: 09-7423323
E-mail: rehakelantan@gmail.com

Melaka RHA

2A-3, 1st Floor Dewan Hang Tuah,
Jalan Hang Tuah,
PO Box 270,
75300 Melaka.
Tel: 06-2844475
Fax: 06-2813969
E-mail: rhamelaka@gmail.com

Negeri Sembilan FPA

No 3 Jalan Dr. Krishnan,
70000 Seremban,
Negeri Sembilan
Tel: 06-7622969
Fax: 06-7635779
E-mail: nsfpa29@yahoo.com

Pahang RHA

B-1582, Tingkat Atas,
Jalan Beserah,
25300 Kuantan,
Pahang.
Tel: 09-5660403
Fax: 09-5668707
E-mail: rha.phg@gmail.com

Penang FHDA

333, Jalan Perak,
11600 Penang.
Tel: 04-2825191
Fax: 04-2819380/2813144
E-mail: rhfpapg@streamyx.com

Perak FHA

60A Regat Sri Cempaka,
Taman Cempaka,
31400 Ipoh, Perak
Tel: 05-5477849
Fax: 05-5467633
E-mail: pfhaperak@gmail.com

Perlis FPA

140 Persiaran Jubli Emas,
01000 Kangar,
Perlis
Tel/Fax: 04-9760739
E-mail: c.kimeng@yahoo.com

Sabah FPA

Council of Management
613, Jalan Family Planning Centre,
Off Jalan Kebajikan,
88000 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088-244629/088-217533
Fax: 088-210813
E-mail: hqsfpa@gmail.com

Sarawak FPA

Jalan P Ramlee,
PO Box 788,
93716 Kuching, Sarawak.
Tel: 082-244629/082-426982
Fax: 082-418981
E-mail: swpfreha@gmail.com

Selangor & FT FRaHA

2B, Lorong Syed Putra Kiri,
PO Box 10710
50722 Kuala Lumpur.
Tel: 03-22743489/22725817
Fax: 03-22738901
E-mail: swpfreha@gmail.com

Terengganu FPA

12G, Jalan Engku Pengiran Anom 2,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu.
Tel: 09-6248071
Fax: 09-6221763
E-mail: fpatrg@tm.net.my

KEHAMILAN



Persekutuan Persatuan-Persatuan Kesihatan Reproduksi, Malaysia


(Member of International Planned Parenthood Federation)

81-B, Jalan SS15/5A, 47500 Subang Jaya, Selangor.

Tel : 03-56337514/7516/7528 Fax : 03-56346638

Bagaimanakah proses kehamilan berlaku?

Semasa hubungan seks, zakar lelaki yang tegang akan masuk ke dalam saluran faraj perempuan. Apabila lelaki memancutkan air mani ke dalam faraj perempuan, berjuta-juta sperma akan terkumpul di pangkal rahim. Sperma-sperma itu akan berenang ke atas melalui pangkal rahim dan masuk ke dalam rahim dan ke saluran tiub fallopio. Sekiranya terdapat telur perempuan (*ovum*) di dalam salah satu daripada tiub fallopio itu, sperma akan berkumpul di sekelilingnya dan salah satu daripada sperma itu akan bercantum dengan telur. Proses ini dikenali sebagai persenyawaan. Telur yang telah disenyawakan itu akan bergerak ke dalam rahim dan melekat pada dinding rahim lalu berkembang menjadi janin dalam tempoh 36 minggu. Proses ini dikenali sebagai kehamilan.



Adakah pre-ejakulasi menyebabkan kehamilan?

Pre-ejakulasi merujuk kepada cecair yang meleleh keluar dari zakar sebelum ejakulasi berlaku. Cecair ini selalunya tidak mengandungi sperma tetapi kadang kala ia mengandungi sperma dalam jumlah yang sedikit. Maka kehamilan mungkin akan berlaku, jadi mengapa anda mengambil risiko?

Bagaimana jika kontraseptif gagal? Bolehkah kehamilan yang tidak diinginkan dicegah?

Seorang wanita yang prihatin tentang kehamilan yang tidak diinginkan boleh mempertimbangkan "morning after pill", juga dikenali sebagai Pil Kontraseptif Kecemasan (*EC-emergency contraceptive*). EC berkesan jika diambil dalam tempoh 120 jam/5 hari selepas melakukan hubungan seks. Pil ini perlu diambil dengan segera untuk ia boleh didapati di farmasi.

Apakah tanda-tanda kehamilan?

Tanda-tanda awal kehamilan ialah:

- Tidak datang haid
- Rasa mual atau hendak muntah
- Keletihan yang luar biasa
- Kekerapan membuang air kecil
- Buah dada membesar dan sakit
- Berubah selera makan

Untuk mengesahkan kehamilan, wanita digalakkan untuk menjalani ujian kehamilan di klinik/hospital.

Apakah risiko kehamilan pada peringkat remaja?

Remaja yang melahirkan bayi sebelum umur 18 tahun menghadapi risiko seperti berikut:

i. Risiko kepada ibu

- Kematian ibu
- Kesulitan semasa kelahiran bayi disebabkan saiz tulang punggung sempit.

ii. Risiko kepada janin/bayi

- Janin yang kekurangan zat makanan
- Kelahiran bayi tidak cukup bulan
- Kekurangan berat badan bayi
- Kematian bayi
- Kecacatan janin
- Anaemia

Adakah seseorang wanita itu boleh hamil sekiranya melakukan hubungan seks pada kali pertama?

Ya, seseorang wanita itu boleh hamil selepas melakukan hubungan seks kali pertama sekiranya wanita itu subur semasa hubungan seks itu berlaku atau telur telah dikeluarkan daripada ovari dan berada di dalam saluran tiub fallopio.

Adakah seseorang wanita akan hamil sekiranya lelaki memancutkan air mani di sekitar bukaan faraj?

Ya. Seseorang wanita mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk mendapat kehamilan sekiranya wanita itu subur semasa melakukan hubungan seks. Air mani masih boleh masuk ke dalam vagina dan sperma boleh berenang ke tiub fallopio dan bersenyawa dengan telur yang berada di situ.

Adakah saya bersedia untuk hamil?

Sila tanya diri anda dengan soalan-soalan ini (terutamanya jika anda adalah seorang remaja):

- Adakah kewangan anda stabil untuk mempunyai anak?
- Adakah anda mempunyai sistem sokongan yang baik apabila mempunyai anak?
- Adakah anda dan pasangan bersedia untuk membesarkan anak?
- Adakah anda bersedia untuk melakukan perubahan untuk membesarkan anak?
- Adakah ini akan menjejaskan kepada pendidikan/cita-cita/kerjaya anda?

Apakah pengguguran?

Pengguguran merupakan penyingkiran atau pengeluaran janin dari rahim ibu. Ini selalunya berlaku sebelum minggu ke-12 kehamilan. Pengguguran mungkin berlaku secara paksaan atau spontan.

• *Pengguguran paksaan*: Penyingkiran janin dari rahim yang dilakukan dengan sengaja untuk menamatkan kehamilan.

• *Pengguguran spontan*: Penyingkiran janin dari rahim akibat trauma atau penyakit yang berjangkit